



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 04/2015

Rujukan : Bil (51) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

/6 Februari 2015

Setiausaha Bandaraya
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

PEMANTAUAN PEMBAYARAN DAN PEROLEHAN BAGI PERUNTUKAN DI BAWAH KUMPULAN WANG PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS)

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa Agihan Peruntukan MARRIS dari Kerajaan Negeri kepada Majlis diluluskan dan diagihkan secara tahunan. Projek-Projek dan Kerja-Kerja Kontrak yang dilaksanakan melalui peruntukan ini adalah berdasarkan senarai projek dan kerja yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis.
3. Keutamaan bagi projek dan kerja MARRIS adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
 - i. **Projek-projek sambungan** yang sedang berjalan
 - ii. **Projek-projek yang telah dibuat perlantikan kontraktor**
 - iii. **Projek dan kerja yang melibatkan kecemasan, keselamatan dan aduan warga kota**
4. Bagi menambahbaik pengurusan Peruntukan MARRIS, pihak Pejabat Kewangan Negeri telah mengadakan satu Mesyuarat Pengurusan Peruntukan MARRIS dengan agensi-agensi yang terlibat pada 30 Januari 2015 yang lalu dan telah mengarahkan agar pemantauan berterusan dan berkala dibuat oleh agensi ke atas pembayaran dan baki peruntukan dari masa ke semasa agar pembayaran di bawah peruntukan MARRIS mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

..2/-

ARAHAN KEWANGAN BIL. 04/2015

PEMANTAUAN PEMBAYARAN DAN PEROLEHAN BAGI PERUNTUKAN DI BAWAH KUMPULAN WANG PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS)

5. Sehubungan dengan di atas, berikut adalah perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan-Jabatan Pelaksana yang terlibat:-

- i. Pembayaran bagi kerja-kerja di bawah Kontrak Tahunan dibuat pada setiap 1 bulan (Mesyuarat Bulanan akan di adakan oleh Jabatan Kewangan).
- ii. Data Pembayaran dan Pengurusan Baki Peruntukan dipantau dengan mengambilkira potongan bayaran yang dibuat.
- iii. Arahan-Arahan Kerja bagi kontrak dilaksanakan mencapai 80% pada bulan Ogos setiap tahun.
- iv. Perolehan bagi projek dan kerja di bawah MARRIS dibuat perlantikan kontraktor selewat-lewatnya pada bulan September setiap tahun bagi mengelakkan kelewatan pembayaran.

6. Selain itu, memandangkan terdapat **perlaksanaan projek dan kerja yang akan melangkaui ke tahun depan**, dipohon Jabatan Perlaksana untuk meneliti kos projek yang terlibat supaya **agihan peruntukan tahun 2015** hanya bagi **pembayaran yang akan dibuat untuk tahun semasa sahaja**.

7. Oleh itu, semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit adalah dimaklumkan dan dikehendaki untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi penambahbaikan yang dinyatakan di atas. Diharapkan dengan penambahbaikan ini dapat meningkatkan lagi kecekapan Pengurusan Peruntukan MARRIS di Majlis Bandaraya Ipoh. Adalah juga dimaklumkan **perlaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta**.

8. Pengecualian bagi Arahan Kewangan ini perlu mendapat kelulusan saya selaku Pegawai Pengawal dan permohonan pengecualian perlu disertakan dengan justifikasi lengkap dan munasabah mengikut keperluannya.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"INOVASI MEREALISASIKAN TRANSFORMASI"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HARUN BIN RAWI)
Datuk Bandar Ipoh